

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	1 NOVEMBER 2016

# Integriti jamin kelangsungan sesebuah negara

BH - 1/11/2016

→ Sultan Nazrin bertitah pemimpin perlu jujur, miliki nilai moral tinggi

**Oleh Mohd Anwar Patho Rohman**  
 wanawar@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**S**ultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, bertitah kelangsungan dan kejayaan sesebuah negara bergantung kepada sejauh mana pemimpinnya berintegriti, jujur dan memiliki nilai moral yang tinggi.

Titah baginda, isu berkenaan amat dekat dan sentiasa dinilai masyarakat, termasuk menerusi sikap rakyat Amerika Syarikat (AS) kini yang mengutamakan nilai in-



**Sultan Nazrin berkenan menyempurnakan majlis pelancaran buku 'Being Abdullah Ahmad Badawi - The Authorised Biography' sambil disaksikan Abdullah, Ahmad Zahid dan Wong Sulong (kanan) di Kuala Lumpur, semalam.**

tegriti pada pemimpin menjelang pilihan raya presiden negara itu.

“Kita akan terus berada dalam keadaan yang baik selagi ada insan berintegriti dalam kalangan kita, berbanding mereka yang tidak memiliki insan seperti itu,” titah baginda sewaktu melancarkan buku *Being Abdullah Ahmad Badawi - The Authorised Biography*, di sini, semalam.

Yang turut berangkat, Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim. Hadir sama, bekas Perdana Men-

teri, Tun Abdullah Ahmad Badawi dan isteri, Tun Jeanne Abdullah; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi serta penulis buku berkenaan, Datuk Wong Sulong.

Sultan Nazrin bertitah, kelemahan aspek integriti mewujudkan kesan berpanjangan kepada sesebuah negara seperti kebangkitan rakyat melalui Arab Spring, kebangkitan rakyat di negara jiran seperti Indonesia dan kejatuhan rejim Ferdinand Marcos di Filipina.

“Kebanyakan negara ini masih belum pulih kembali dan hari ini kita saksikan Venezuela yang satu masa dahulu negara yang kaya, kini berdepan masalah kekurangan bekalan makanan dan mengalami keruntuhan sistem,” titah baginda.

Sementara itu, menyentuh buku biografi berkenaan, Sultan Nazrin bertitah, banyak perjalanan kehidupan politik Abdullah yang boleh memberi pengajaran kepada rakyat.